


**"Pengiktirafan kepada jurnal
Malaysia memperlihatkan
prestasi tinggi dalam
pangkalan data antarabangsa**

Idris Jusoh

HARIAN METRO

FOTO: MOHD FADLI HAMZAH



20 penyelidik diiktiraf

■ Hasil penulisan ilmiah diterbitkan di Web of Science, SCOPUS

IDRIS (tengah) bersama penerima sijil pada majlis Malaysia's Rising Star Award.

Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

S eramai 20 penyelidik daripada universiti tempatan kini sebaris dengan penyelidik terkemuka dunia apabila penulisan dan penyelidikan ilmiah yang dihasilkan mereka diterbitkan dalam pangkalan data terkenal dunia Web of Science (WoS) dan SCOPUS.

Kejayaan itu membolehkan semua mereka dianugerahkan Malaysia's Rising Star Award (MRSA) berikutan pencapaian cemerlang dalam menghasilkan penyelidikan dan penulisan ilmiah berkualiti.

WoS dan SCOPUS masing-masing dikendalikan Clarivate Analytics dan Elsevier adalah agensi pengindeksan antarabangsa utama berperanan mengindeks perenbitan ilmiah berkualiti dari seluruh dunia.

Semua penyelidik tempatan itu diraikan dalam satu majlis penganugerahan yang disempurnakan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, di sini, semalam.

Idris berkata, kejayaan itu membuktikan Malaysia mempunyai kumpulan penyeli-

dik yang diiktiraf dunia dan setanding dengan penyelidik terkenal dunia.

Menurutnya, sejak 10 tahun lalu, kualiti penyelidikan yang dihasilkan penyelidik tempatan meningkat lima kali ganda dan ia akan berterusan pada masa depan.

"Pengiktirafan kepada jurnal Malaysia memperlihatkan prestasi tinggi dalam

pangkalan data antarabangsa.

"Malah, jurnal yang dihasilkan mereka juga adalah paling kerap digunakan sebagai rujukan oleh penyelidik di seluruh dunia membabitkan pelbagai bidang penyelidikan," katanya pada sidang media selepas majlis penganugerahan berkenaan di sini, semalam.

Antara penyelidik yang diiktiraf Clarivate Analytics adalah Prof Dr Zainal Salam,

Prof Dr Ahmad Fauzi Ismail dan Prof Ir Dr Sharifah Rafidah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Ishak Ahmad, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Jinap Selamat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Chen Hang Seng, Dr Ong Hwai Chyuan dan Prof Ir Dr Mohd Ali Hashim dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Lee Keat Teong, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Lim Hong Ngee (UPM).

FAKTA
Mereka terima
anugerah MRSA
berikutnya
pencapaian
cemerlang